**KUALA LUMPUR** - Tindakan seorang lelaki mengheret kucing peliharaannya dengan menarik tali yang diikat pada leher haiwan berkenaan mengundang padah apabila Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, menjatuhkan hukuman denda RM10,000.

Goh Kuan Pan, 43, selaku orang kena saman (OKS) dikenakan hukuman tersebut selepas mengaku bersalah atas satu pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Pada masa sama, mahkamah turut memerintahkan kucing tersebut diletakkan di bawah jagaan sementara, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Mengikut pertuduhan, Kuan Pan didakwa mengheret seekor kucing baka *British Short Hair* berwarna kelabu di lantai dengan menggunakan tali hingga mengundang penderitaan yang tidak perlu terhadap haiwan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di laluan bangunan sebuah apartmen di Jalan Klang Lama di sini antara jam 11.17 hingga 11.42 malam, 21 November lalu.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa JPV Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Syed Hilfi Syed Ali mencadangkan OKS dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran.

Sebelum ini media melaporkan seorang individu yang disyaki mendera kucing dalam satu video tular baru-baru ini ditahan di rumahnya pada 24 November lalu.

Dalam rakaman berdurasi sembilan saat, memaparkan seorang lelaki menarik seekor kucing dengan menggunakan tali diikat di leher haiwan itu.



**Kuan Pan didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Rabu kerana mengheret kucing peliharaannya dengan menarik tali yang diikat pada leher.**

# Lelaki tular heret kucing didenda RM10,000

**KUALA LUMPUR:** Seorang lelaki yang tular mengheret seekor kucing peliharaannya bulan lalu didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini atas perbuatan tersebut.

Hakim Norina Zainol Abidin membuat keputusan itu selepas Goh Kuan Pan, 43, mengaku bersalah atas pertudahan pilihan yang dikemukakan terhadapnya. Sekiranya gagal membayar denda berkenaan, lelaki itu boleh dipenjarakan selama dua bulan.

Pada 2 Disember lalu, Kuan Pan turut didenda RM100 oleh Mahkamah Majistret di sini selepas mengaku bersalah atas pertudahan serupa. Pendakwaannya pada tarikh berkenaan dibuat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

Pada prosiding semalam, lelaki yang bekerja sebagai eksekutif jualan itu didakwa telah menyeret seekor kucing baka *British Short Hair* berwarna kelabu di atas lantai menggunakan seutas tali berwarna merah jambu di laluan koridor sebuah apartmen, Jalan Klang Lama, di antara 11.17 hingga 11.42 malam, pada 21 November lalu.

Kesalahan itu didakwa di bawah Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 44(1) Akta Binatang 2013 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau pen-



GOH KUAN PAN

jara minimum satu tahun atau kedua-duanyasekali.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Wilayah Kuala Lumpur, Syed Hilfi Syed Ali mencadangkan hukuman yang setimpal dikenakan terhadap Kuan Pan sebagai pengajaran kepada lelaki itu dan dibucut hak penjagaan kucing tersebut.

Bagaimanapun, peguam bela, Gabriel Susayan yang mewakili Kuan Pan merayu untuk mahkamah memberikan satu perintah bon kelakuan baik dengan cagaran serta hukuman denda yang minimum.

“Pihak pembelaan juga memohon supaya tidak dilucut hak penjagaan dan kucing dipulangkan kembali kepadanya. Dia berjanji akan menjaga kucing dengan baik selepas ini.

“Saya difahamkan, anak guam saya bekerja sebagai eksekutif jualan dan pemasaran yang memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan dan perlu menanggung kedua ibu bapanya. Dia juga tidak mempunyai sebarang rekod jenayah yang lampau dan telah menjimatkan masa dan kos mahkamah,” kata Gabriel.

Mengikut fakta kes, pada 23 November lalu, Pegawai Veterinar, Dr. Siti Nor Ain Fatimah Hamzah bersama tiga Pegawai Kabajikan Haiwan Jabatan Veterinar Wilayah Kuala Lumpur telah bertindak ke atas satu aduan awam berkaitan satu rakaman tular di media sosial berkenaan seekor kucing yang diheret menggunakan seutas tali.

Pasukan telah mengambil seekor kucing jantan baka *British Short Hair* berwarna kelabu dan satu utas tali berwarna merah jambu berukuran 153 sentimeter daripada lelaki itu untuk siasatan lanjut.

Kucing tersebut telah diperiksa oleh pegawai veterinar dan mendapati keadaan kucing sihat dan tiada sebarang kecederaan. Kucing kini berada di bawah jagaan jabatan itu.

# OKU rugi besar tanaman musnah akibat banjir

Hanya sempat menuai kira-kira 100kg kacang panjang sebelum ditenggelami banjir

Oleh **NORHASPIDA YATIM**  
**SETIU**

Barat sudah jatuh ditimpa tangga, seorang warga emas orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan terpaksa menanggung kerugian berganda apabila rumah dan kebun tanaman kontan diusahakannya ditenggelami banjir.

Menurut Mat Zin Sulaiman,

61, tanaman kacang panjang dan jagung diusahakan di tanah seluas 0.4 hektar sepatutnya boleh dituai hujung November lalu.

Menurutnya, bencana berlaku tanpa diduga menyebabkan tanaman diusahakan bersama anak sulungnya, Mohamad Zaidan, 31, musnah sehingga terpaksa menanggung kerugian lebih RM10,000.

"Biasanya setiap tahun kawasan ini akan dilanda banjir pada akhir Disember atau awal Januari, jadi saya sempat menuai sayuran ditanam.

"Namun, tahun ini bencana berlaku di luar jangkaan dan saya hanya sempat me-



Mohamad Zaidan (kiri) bersama Mat Zin menunjukkan tanaman yang musnah di Kampung Seri Kenangan, Pelong, Setiu.

nuai dan menjual kira-kira 100 kilogram (kg) kacang panjang.

"Proses tuaiian peringkat pertama selesai dilakukan pada Oktober lalu. Bagaimanapun, untuk tanaman jagung langsung tidak sempat mengeluarkan hasil dan semuanya musnah," katanya ketika ditemui di Kampung Seri Kenangan, Pelong.

Jelas Mat Zin, keadaan itu menyebabkan mereka sekeluarga hilang punca pendapatan dan terpaksa memikirkan kaedah lain untuk menampung perbelanjaan sehari-hari.

Sementara itu, Mohamad Zaidan berkata, tanaman kontan begitu sensitif dan

mudah mati apabila menerima lebih air walaupun hanya takungan air.

"Semua tanaman kontan tidak mampu bertahan apabila banjir.

"Bencana kali ini bukan hanya melibat-kan kebun sahaja, malah rumah keluarga yang berada kira-kira 10 meter dari kebun juga ditenggelami banjir," katanya.

Bagaimanapun, Mohamad Zaidan berkata, mereka sekeluarga bersyukur kerana sempat berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) sebak menyedari air semakin meninggi.

"Kami sekeluarga bersyukur kerana ha-nya harta benda musnah dan sempat me-nyelamatkan diri," katanya.

| TARIKH     | MEDIA   | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------|---------|------------|
| 19/12/2024 | HARAKAH | FIKRAH  | F1         |

# Memerangi perosak pertanian tanpa bahaya

SEKTOR pertanian di Malaysia bergantung kepada racun perosak untuk mengawal serangga dan penyakit tanaman.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan yang berlebihan telah menyebabkan pelbagai isu, termasuk ancaman kepada kesihatan manusia, pencemaran alam sekitar, dan ketidakseimbangan ekonomi.

Keperluan untuk pendekatan yang lebih mampan dalam sektor pertanian dalam memerangi perosak tetapi tanpa mengundang bahaya. Kini semakin mendesak.

KUPASAN LANJUT ► F2 & F3



# Inovasi pertama di Malaysia atasi isu racun berbahaya pertanian

Oleh HAZIQ AIMAN

**S**EKTOR pertanian merupakan tulang kepada pembangunan ekonomi dan pemeliharaan keselamatan makanan di Malaysia.

Dalam usaha memastikan hasil tanaman mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik dan pasaran antarabangsa, penggunaan racun perosak telah menjadi salah satu elemen penting dalam amalan pertanian moden.

Racun perosak digunakan untuk melindungi tanaman daripada ancaman serangga perosak, penyakit, dan rumpai yang boleh menjejaskan hasil tanaman.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan bahan kimia ini sering menjadi perdebatan kerana kesan jangka panjangnya terhadap alam sekitar, kesihatan manusia, dan biodiversiti.

Sisa racun perosak yang tertinggal pada makanan juga menimbulkan risiko kepada kesihatan pengguna.

Timbalan Presiden PAS merangkap Ahli Parlimen Kubang Kerian, Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dalam sidang Dewan Rakyat pada Julai 2024 pernah mempersoalkan isu peningkatan penggunaan racun serangga dalam ribuan hektar terhadap ladang, sehingga meninggalkan impak pada alam sekitar dan ekosistem sungai di negara ini.

"Saya ingin dapatkan penjelasan apakah mekanisme kerajaan bagi mengawal penggunaan racun serangga yang meningkat sehingga mendadak ini, bagi memastikan alam sekitar dan (ekosistem) sungai-sungai kita terjamin," hujah beliau.

Sehubungan itu, isu berkenaan telah meraih perhatian ramai, sehingga mendorong sebuah syarikat tempatan, Vitrox Agritech Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada 13 Oktober 2020, dan berpangkalan di Pulau Pinang untuk menghasilkan inovasi pertama di Malaysia bagi membendung permasalahan



Pelancaran prototip Rangeris pada majlis perasmian ASF 20-24 di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

yang berlaku dalam sektor pertanian sejak sekian lama tersebut.

## Rangeris tawarkan empat fungsi serentak

Dengan nama 'Rangeris', inovasi daripada anak tempatan itu telah diperkenalkan buat julung-julung kalinya ketika Persidangan dan Pameran Antarabangsa 'Asia Smart Farming 2024' (ASF 2024) di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor baru-baru ini.

Menawarkan empat fungsi yang dapat digunakan secara serentak, dan merupakan mesin pertanian pelbagai fungsi pertama yang dihasilkan di negara ini, ia dicipta khas untuk 'merevolusikan' industri pertanian tempatan dengan menawarkan jangkaan harga yang berpatutan untuk para petani.

Ketua Pegawai Eksekutif Vitrox Agritech, Vincent Ong Boon Keong berkata, Rangeris menawarkan empat fungsi yang masih di peringkat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), iaitu pemantauan tanaman, penyemburan tanaman, menanam tanaman dan pemindahan tanaman.

"Walaupun perkara ini masih di peringkat



Definisi dan kaedah-kaedah IPM.

pembangunan, tetapi kami percaya setakat ini tiada inovasi sedemikian dihasilkan di dalam negara.

"Pihak kami mengambil masa beberapa tahun sahaja untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan sehingga ke peringkat ini," katanya.

Beliau turut yakin bahawa inovasi daripada syarikat itu akan dapat mengurangkan kos yang dihadapi oleh para petani, berbanding dengan penggunaan tenaga manusia ketika ini yang bukan sahaja lebih mahal, malah membekankan tenaga mereka dalam pekerjaan seharian.

"Kos kepada industri dan petani yang ditanggung akan menjadi lebih murah daripada kos tenaga manusia semasa. Kami tidak mempunyai harga muktamad

pada masa ini, tetapi kos buruh yang digunakan sekarang menelan belanja sekitar RM10,000 sebulan.

"Dengan memiliki mesin ini akan membolehkan petani mempunyai penggunaan kos yang lebih rendah berbanding dengan RM 10,000 dengan penggunaan tenaga manusia, dan juga mempunyai kualiti tanaman yang lebih tinggi dengan menggunakan Rangeris," jelasnya.

## Teknologi pengurusan serangga perosak bersepadu

Sementara itu, Pengerusi Penganjur ASF 2024, RM Ravichandar berkata, persidangan dan pameran berkenaan menjadi platform penting dalam membawa bersama perniagaan

tempatan dan antarabangsa untuk mempromosikan teknik pertanian moden yang terkini dan mampan.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif ABS Greentech Sdn Bhd turut berkata, ASF 2024 memberi tumpuan secara strategik kepada teknologi pertanian pintar terkini yang meliputi pengetahuan dan latihan mengenai teknologi Pengurusan Serangga Perosak Bersepadu (Integrated Pest Management atau IPM) dan NoSelf "As Nature Does" (NoSelf AND), antara teknologi canggih lain daripada syarikat agroteknologi terkenal dunia.

"Bukan sekadar pameran, tetapi ASF 2024 yang mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat pertanian gergasi dunia untuk memperkenalkan teknologi-teknologi baharu dalam sektor pertanian yang sudah tentu mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.

"Dengan memberi penekanan kepada pertanian tanpa penggunaan bahan racun kimia, kami berharap dapat mencipta kesedaran dalam kalangan petani dan pengguna mengenai pentingnya pengeluaran makanan yang selamat dan mesra alam," katanya.

ASF 2024 menyaksikan penglibatan syarikat-syarikat gergasi dunia dan tempatan berkongsi teknologi dalam bidang pertanian antaranya Western Power (China); INOFRIENDS (Korea Selatan); IFFCO-Nanoventions Private Limited (India); UPL Global (India); AND Biologicals (Belanda); Lentiz Education Group (Belanda) dan Tropical Agrosystem (India) Pvt Ltd.

Sementara, syarikat Malaysia yang menyertai persidangan dan pameran tersebut adalah Adastra IP (M) Sdn. Bhd; ARISE Consulting; ViTrox Agritech Sdn. Bhd; Vigor Agribiotech Solutions; Picasynergy Holdings (M) Sdn Bhd, Pesticide Action Network Asia Pacific (PANAP); Global Psytech; Ken Microbes dan Aerodyne Group.

| TARIKH     | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|-----------------|------------|
| 19/12/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 8          |

# Syarikat Malaysia pertama eksport nanas MD2 ke Jerman

Oleh HAZIQ AIMAN

EDISI kedua Pameran Antarabangsa Asia Smart Farming & Food Security (ASF 2024) yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor baru-baru ini bukan sahaja menjadi platform utama memperkenalkan inovasi dalam sektor pertanian dengan fokus utama, pertanian pintar tanpa bahan racun kimia berbahaya.

Dalam acara bertaraf antarabangsa itu, *Harakah* juga berpeluang mengumpul maklumat mengenai usahawan tempatan yang mencipta sejarah sebagai syarikat Malaysia pertama mengeksport nanas ke Jerman.

Bermula dengan keluasan tanah sebanyak lima ekar di Gambang, Pahang, usahawan kelahiran Johor Bahru, Johor ini berjaya menubuhkan sebuah syarikat pengurusan dan penanaman yang kini menjadi pengeksport utama nanas di Malaysia dengan keluasan tanah sebanyak 130 ekar.

Picasynergy Holdings (M) Sdn Bhd (Picasynergy), sebuah syarikat yang ditubuhkan pada 2016 oleh Syed Mohamed Fauzi Syed Syed Murshad memiliki kepakaran meluas dalam penanaman nanas MD2.

Nanas jenis ini yang mempunyai permintaan tinggi di peringkat global, dan Picasynergy merupakan syarikat pertama Malaysia yang mengeksport nanas segar MD2 ke Jerman.

Syarikat itu turut menawarkan penyelesaian terhadap masalah rantaian bekalan termasuk pengurusan penanaman, penyediaan keperluan pertanian, di samping khidmat nasihat di dalam pematuan pensijilan global.

Mempunyai kelebihan menulis dan bertutur dengan lancar bahasa Jerman, selain memahami budaya mereka, Syed Mohamed Fauzi selaku pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu telah mempelajari konsep dan pasaran nanas MD2 ketika berada di Jerman.



Haslinda (Kiri) di samping Penolong Pengurus ladang nanas MD2 Picasynergy, Dineswaran Merugan.



Nanas MD2 merah permintaan yang tinggi di peringkat global.

## Dibawa ke Jerman pada usia 4 tahun

Naib Presiden Perdagangan Antarabangsa Picasynergy, Haslinda Mohd Eunus ketika ditemui *Harakah* berkata, Syed Mohamed Fauzi telah dibawa ibunya ke Jerman ketika beliau berusia hanya empat tahun.

"Beliau telah dibesarkan di Jerman. Ketika tinggal di sana, beliau telah banyak mempelajari segala konsep penanaman nanas itu dan mengenal pasti pasaran jualan buahan tersebut.

"Apabila kembali ke Malaysia, beliau dapati kita di sini masih tidak mampu lagi untuk eksport nanas ke Jerman. Jadi, beliau pelajari apa yang diperlukan untuk eksport nanas MD2 ini ke negara Jerman," katanya.

"Dengan menaiki kapal laut, nanas MD2 tersebut mengambil masa selama 22 ke 28 hari untuk sampai ke Jerman dengan bantuan daripada teknologi dan produk yang ada bagi

memanjangkan lagi jangka hayat nanas itu.

"Di sini, kita nak tahu apa dan bagaimana untuk memanjangkan jangka hayat buah tersebut. Kalau nanas, dia biasanya tahan selama 28 hari. Dengan teknologi yang kita ada, ia dapat membantu memanjangkan lagi jangka hayat nanas," ujarnya.

## Manis, bebas racun kimia berbahaya

Tidak hanya rasa yang manis dan warna keemasannya, nanas MD2 yang ditanam Picasynergy itu turut mendapat 'zero residue', atau bebas daripada sebarang racun dan bahan kimia daripada makmal ujian makanan di Malaysia dan Jerman.

"Kita dapatkan 'zero residue' daripada Agrolab yang berpangkalan di Jerman. Mereka tidak mahu hasil makmal dari Malaysia sahaja, tetapi mereka nak hasil makmal di sana juga. Jadi, kita dapatkan status 'zero

## Info Nanas MD2 asal nama seorang wanita

- **1961** – Institut Penyelidikan Nanas (PRI) di Hawaii telah diberi tanggungjawab untuk menghasilkan pelbagai variasi nanas.
- **1975** – PRI yang dibiayai oleh syarikat nanas, dibubarkan.
- **1985** – Penilaian semua benih hibrid telah diselesaikan di Syarikat Nanas Maui dan PRI dikeluarkan kepada syarikat anggota PRI.
- **1993** – Sejarah program pembiakan PRI ditulis dan ditunjukkan setelah 58 tahun bahawa program pembiakan nanas telah mengembangkan beberapa kacukan PRI yang mempunyai banyak ciri yang lebih baik daripada Smooth Cayenne.
- Dua pilihan, 73-50 dan 73-114 yang dihasilkan dari persilangan antara dua hibrid PRI, 58-1184 dan 59-443 yang merupakan campuran kompleks dari beberapa varieti.
- **1973 dan 1980** – Pengujian kedua pilihan ini dibuat di Maui.
- **1978 dan 1980** – Diuji di perkebunan di Oahu
- **1980** – Benih ini dilepaskan ke Maui Pineapple Company dan Del Monte.
- **1981** – 73-50 dinamakan semula MD-1 untuk kegunaan dalaman dan 73-114 dinamakan MD-2. Kedua-duanya diberi nama Millie, merujuk kepada isteri Frank Dillard, Pengurus Besar syarikat nanas ketika itu. Justeru, MD sebenarnya mengambil nama Millie Dillard.
- **1980** – MD2 telah dihantar ke Costa Rica.
- **1990** – Pemasaran ke Eropah, Amerika Syarikat.
- Ditanam di Ecuador, Panama, Guatemala, Honduras, Mexico dan Filipina tetapi Costa Rica setakat ini merupakan negara pengeluar terkemuka.
- **2008** – MD2 masuk ke Malaysia melalui Filipina dan dibiakkan buat pertama kalinya di Johor.
- **2012** – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah memainkan peranannya dalam mengembangkan varieti.
- **2013** – Varieti MD2 telah didaftarkan dibawah pendaftaran varieti nanas kebangsaan dengan no pendaftaran AC 9.

residue' di sana juga," katanya.

Picasynergy berjaya meluaskan pengaruhnya apabila dilantik oleh pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia sendiri untuk menjadi panel penasihat kepada syarikat-syarikat lain yang menceburi bidang sama.

Antara syarikat-syarikat tersebut ialah FGV Tawai, FGV Chuping, Persatuan Perindustrian Nanas Negeri Johor dan Yayasan Pahang.

"Kita menasihati mereka bagaimana nak sediakan diri ke arah pensijilan global. Kita juga adalah *off-taker* yang

mengajar mereka bagaimana nak menanam nanas. Kemudian apabila mereka tiada pembeli, kita akan sediakan pembeli.

"Dengan syarikat mereka tanam mengikut kehendak yang pasaran nak. Sebab itu kita turut bekerjasama dengan pihak lembaga nanas," katanya.

Picasynergy menjangkakan untuk meluaskan lagi ladang tanamannya kepada 1,000 ekar pada penghujung tahun hadapan dengan kawasan tanah baharu di Johor, Terengganu dan Pahang.



# Beras Agro Darul Naim dipasar pertengahan 2025

## MUKADIMAH

PADA tahun 2021 tahap kecukupan kadar sara diri (SSL) dari segi hasil padi di Kelantan meningkat kepada 208 peratus. Ini bermakna beras di Kelantan turut diekspor ke negeri-negeri lain. Kini kerajaan negeri memperluaskan tanaman padi di luar kawasan jelapang. Antara lokasi yang menjadi tumpuan pada tahun 2025 iaitu Machang, Jeli dan Kuala Krai. Oleh itu bagi melihat perancangan tersebut ikuti penjelasan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika temubual LANJUSOH dan MUHAMMAD ARIF ISMAIL di Kota Darulnaim baru-baru ini.

**HARAKAH:** Sebelum ini tumpuan tanaman padi di kawasan jelapang di bawah KADA. Namun, banyak bendang terbabit dengan pembangunan. Apa usaha kerajaan negeri bagi memastikan pengeluaran padi di Kelantan terus dipertahankan?

**TUAN MOHD SARIPUDIN:** Kawasan tanaman padi yang ditanam sekali setahun akan dipertingkatkan kepada dua kali setahun. Kita baik pulih kemudahan di kawasan padi sedia ada untuk Kelantan muncul sebagai jelapang makanan negara selepas Kedah. Istilah yang saya gunakan ialah menjelapangkan luar jelapang. Di Machang kita ada 7,000 ekar tanah padi, jadi kerajaan negeri bersama dengan kerajaan pusat bergading bahu untuk membangunkan sistem pengairan dan saliran di Machang.

Ada kawasan di Machang sumber air yang ada sekarang boleh ditanam padi dua kali setahun, tetapi masih banyak ditanam sekali setahun. Kita telah angkat kepada kementerian untuk tingkatan sistem pengairan di Machang.

Dan ia perlu kepada pengambil tanah supaya pengurusan sistem pengairan di kawasan padi dapat dibangunkan. Sekiranya siap dalam masa dua tahun lagi, maknanya akan bertambah lebih banyak hasil padi di Kelantan dengan membangunkan kawasan padi luar jelapang.

Kita juga ada kawasan padi di Semerak, Pasir Puteh yang ditanam padi tetapi hasilnya rendah kerana kawasan terbabit asalnya hutan gelam dan tanah masin kelat. Ia kurang sesuai tetapi ada yang sudah dibaik pulih lebih

kurang 2,000 ekar tanah terbiar yang boleh tanah padi.

**Di Machang agensi mana yang dipertanggungjawab menaik taraf sistem pengairan?**

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah membuat proses pengukuran dan kerja-kerja awal. Mesyuarat dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Machang serta JPS telah diadakan. Puncu air di Machang ada yang mendapat sumber air tandak iaitu di Simpang Guntung yang boleh menampung seluas 300 ekar sawah padi.



Bendang yang terdapat di Kampung Sungai Hala Machang.

Pembinaan saliran daripada punca air tandak bukit sudah dilaksanakan di mana kita ambil bajet daripada Jabatan Sumber Air. Kawasan takungan air khas dibina untuk tanaman padi di DUN Kemuning. Kita juga bangunkan kawasan baharu di bawah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan. Ada juga tanah rizab kerbau di Tumpat iaitu di Kampung Ana Satu, Ana Dua dan Ana Tiga. Kerajaan negeri juga bekerjasama dengan KADA untuk bangunkan tanah yang belum diba-

ngunkan kira-kira seluas 200 ekar. Lokasi itu boleh dibangunkan untuk menjadi satu lagi projek SMART SBB iaitu sawah skala besar.

Selain itu tumpuan juga diberi di kawasan luar jelapang di Jeli. Kawasan tersebut di bawah pengurusan Jabatan Pertanian. Kita baharu bangunkan tanaman padi dan hasilnya belum dianggap lumayan. Jadi, kita perlu menaik taraf saliran dan sumber air dan melakukan pemulihan tanah. Keluasan yang sekarang lebih kurang 100 ekar. Selain itu di Kuala Krai pun ada kawasan penanaman pa-

berada di pasaran?

Sekarang Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan bersama pelabur menyiapkan sebuah kilang padi di Meranti Pasir Mas. Mengikut kontraktor sekarang sudah siap lebih 75 peratus. Padi yang dibeli akan dibuat pengeringan sebelum diproses. Kemungkinan proses mengeluarkan beras bermula pertengahan tahun depan. Insya-Alah, beras jenama Agro Darul Naim akan berada di pasaran pada pertengahan 2025.

Biasanya beras Kelantan ada yang diproses di Terengganu, Kedah dan Selangor. Kilang padi di negeri-negeri lain mengambil padi dari Kelantan. Sebelum ini pernah ada cadangan padi yang dikeluarkan di sesebuah negeri tidak boleh dihantar ke negeri lain untuk diproses menjadi beras.

Namun, isu kebajikan petani tidak boleh dinafikan kerana hak mereka untuk menjual padi di kilang yang menawarkan harga lebih tinggi. Kerajaan hanya menetapkan harga lantai padi dan harga siling tidak ada. Maknanya pengilang-pengilang berebut nak beli padi. Ada kilang membeli padi sehingga RM1,700 satu tan metrik, ada juga sampai RM1,800.

**Di Kelantan ada berapa kilang padi?**

Kilang padi di bawah BERNAS ada tiga, dan kilang swasta pula 16 yang kecil saiz. Kalau kita lihat data dikeluarkan Pusat Kawal Selia Padi sekitar 80 peratus padi Kelantan diproses di kilang-kilang di luar Kelantan suatu ketika dahulu.



Beras Skim al-I'tam dikeluarkan kerajaan negeri bagi membantu penduduk miskin.

**Isu kehilangan beras tempatan lebih setahun berlalu namun masih gagal diselesaikan Kementerian Pertanian, apa punca agaknya?**

Pusat Kawal Selia Padi dan Beras mempunyai maklumat mengenai berapa hasil padi tempatan dan berapa beras import masuk, jadi data yang lengkap ada pada mereka.

Sebenarnya kalau susun dengan baik cadangan kementerian supaya SSL padi negara sampai 75 atau 70 peratus, namun setakat ini sekitar 60 lebih sahaja. Jadi keperluan beras import masih ada, kementerian juga sedang membuat perancangan supaya tidak boleh campur lagi beras tempatan dan import.

Ada kilang boleh *polish* beras tempatan sehingga nampak macam beras import. Jadi kalau kerajaan boleh mengenal pasti beras tempatan sudah tentu harganya lebih murah. Apa yang berlaku seperti diviralkan beras tempatan diisytiharkan sebagai beras import, sedangkan beras itu sudah dicampur dengan beras tempatan.

BERNAS pun ada peranan mereka. Sebahagian keperluan rakyat masih bergantung beras import. Kita tengok beras import tidak boleh sekat lagi kerana SSL tidak mencukupi.

## Petani buta sedih kebun jagung, kacang musnah

**SETIU** — Seorang petani buta hiba apabila mengalami kerugian kira-kira RM10,000 selepas kebun jagung dan kacang panjang diusahakannya musnah akibat bencana banjir di Kampung Seri Kenangan, Pelong di sini.

Mat Zin Sulaiman, 61, berkata, tanaman jagung dan kacang panjang tersebut sudah matang, namun tidak sempat dituai ekoran banjir luar jangka terbabit.

"Saya hanya sempat menuai kira-kira 100 kilogram kacang panjang sebelum banjir menenggelamkan kebun seluas 0.4 hektar pada akhir bulan lalu.

"Jagung pula tidak sempat dituai walau setongkol pun kerana banjir berlaku secara mengejut," katanya ketika ditemui di di

Kampung Seri Kenangan, Pelong di sini semalam.

Mat Zin berkata, banjir kali ini berlaku terlalu awal berbanding kebiasaannya akhir Disember atau awal Januari pada tahun-tahun sebelum ini.

Tambahnya, tanaman kacang panjang dan jagung yang diusahakan bersama anak sulungnya, Mohamad Zaidan, 31, amat sensitif dengan kehadiran lebihan air.

"Air disebabkan banjir" yang bertakung pada batas kacang panjang dan jagung sudah cukup menyebabkan tanaman saya mati.

"Ujian ini amat berat kerana tanaman tersebut merupakan satu-satunya sumber pendapatan kami sekeluarga," katanya.



**MOHAMAD ZAIDAN** (kiri) dan bapanya, **Mat Zin** menunjukkan pokok jagung ditanam mereka yang mati akibat banjir di Kampung Seri Kenangan, Pelong, Setiu semalam.